

Segera tangani chikungunya

Perak ambil tindakan tangani wabak penyakit terbabit di Batang Padang

NORMAWATI ADNAN

IPOH



AHMAD FAIZAL

Kerajaan Perak akan mengambil tindakan susulan dengan segera bagi menangani wabak chikungunya yang kini menular dalam daerah Batang Padang.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, tindakan itu akan membatinkan semua agensi dan jabatan secara total kerana ia melibatkan keselamatan awam.

"Saya akan mendapatkan la-

poran lengkap berkaitan isu ini daripada Exco Kesihatan pada mesyuarat bersama Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

"Langkah-langkah wajar akan diambil kerana kita nak pastikan keselamatan rakyat diutamakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai satu makluman yang tular kelma-



Surat makluman berkaitan wabak chikungunya di daerah Batang Padang yang tular sejak kelmarin.

rian berkaitan perkembangan terkini wabak chikungunya dalam daerah Batang Padang.

Surat makluman yang tular daripada Pejabat Kesihatan Dae-

rah Batang Padang kepada Pejabat Pendidikan Daerah itu memberitahu, Unit Kawalan dan Pencegahan Penyakit Bawaan Vektor telah mengisytiharkan wabak chikungunya berlaku di enam lokaliti dalam daerah Batang Padang.

Kampung Baru Air Kuning dalam mukim Chenderiang telah diletakkan sebagai kawasan hot-spot sementara di Pekan Bidor wabak tidak terkawal.

Empat lagi lokaliti iaitu Taman Tapah, Taman Tapah Baru, Taman Daya dan Kampung Baru Kampung Pahang sebagai wabak terkawal.

Makluman itu juga memberitahu bahawa Pejabat Pendidikan Daerah Batang Padang, kuarters kediaman guru di Jalan Pahang, Sekolah Menengah Sains Tapah dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina Kampung Pahang berisiko untuk mendapatkan sebaran penyakit.